

UNIT INTEGRITI • INTEGRITY UNIT

Rujukan: UKM.UIG.100-1/7/1
Tarikh: 16 Disember 2020

PEKELILING UNIT INTEGRITI BIL. 3/2020

SEMUA WARGA
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

PERINGATAN MENGENAI PEMATUHAN PERATURAN TATATERTIB BADAN-BADAN BERKANUN

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan semua kakitangan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) adalah tertakluk kepada pematuhan terhadap Akta Badan-Badan Berkanun (Tata tertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605) di mana sebarang pelanggaran mana-mana peruntukan tatakelakuan yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan ini boleh menyebabkan kakitangan dikenakan tindakan tataterrib.
3. Unit Integriti (UI) ingin menarik perhatian YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan mengenai kenyataan-kenyataan berbaur provokasi, berniat jahat, berbentuk sindiran dan seumpamanya yang dikeluarkan dalam pelbagai saluran media sosial, mesej, status WhatsApp, serta sebagainya adalah termasuk dalam kategori ini. Baru-baru ini timbul pula kajian yang dijalankan secara rahsia bertujuan untuk menjatuhkan maruah dan kredibiliti pengurusan UKM yang dilihat amat tidak bertanggungjawab. Justeru, kakitangan yang didapati terlibat atau berkelakuan dengan apa-apa cara yang boleh ditafsirkan dengan munasabah dalam perkara ini adalah boleh dikenakan tindakan menurut Peraturan ini.

4. Sehubungan itu, kakitangan UKM adalah diingatkan untuk mematuhi Peraturan Tatakelakuan Am seperti berikut:

Perkara 3(2) Seseorang pegawai tidak boleh—

- (a) membelakangkan kewajipannya kepada badan berkanun demi kepentingan peribadinya;
- (c) berkelakuan dengan apa-apa cara yang mungkin menyebabkan syak yang munasabah bahawa—
 - (i) dia telah membiarkan kepentingan peribadinya bercanggah dengan kewajipannya kepada badan berkanun sehingga menjelaskan kebergunaannya sebagai seorang pegawai badan berkanun; atau
 - (ii) dia telah menggunakan kedudukannya sebagai seorang pegawai badan berkanun bagi faedahnya sendiri;

UNIT INTEGRITI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 3182/ 3139/ 5008 E-mel: integriti@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/integriti




- (d) berkelakuan dengan sedemikian cara sehingga memburukkan atau mencemarkan nama badan berkanun;
- (g) tidak bertanggungjawab
- (i) ingkar perintah atau berkelakuan dengan apa-apa cara yang boleh ditafsirkan dengan munasabah sebagai ingkar perintah

5. UI mengalu-alukan sekiranya pihak YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan mempunyai sebarang maklumat atau aduan berkaitan apa-apa isu integriti untuk dikemukakan melalui saluran rasmi aduan Unit Integriti UKM bagi tindakan seterusnya. Kami akan memberikan ruang yang sewajarnya kepada pengadu dan pihak yang diadu untuk memberikan penjelasan sebelum keputusan dibuat demi keadilan kepada semua pihak.

Kerjasama dan perhatian daripada pihak YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan dalam perkara ini adalah amat dihargai.

Sekian terima kasih.

Yang benar,



HAIRUZZAKI MOHD. YUSOFF
Ketua
Unit Integriti

- s.k
- Pengurus Lembaga UKM
 - Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar)
 - Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri, Alumni dan Masyarakat)
 - Bendahari
 - Ketua Pustakawan
 - Penasihat Undang-Undang

rb/HMY - PekelilingUI

UNIT INTEGRITI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 3182/ 3139/ 5008 E-mel: integriti@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/integriti

